

KESAN TARI ZAPIN TERHADAP PENGHARGAAN KENDIRI KANAK-KANAK DI PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA

The Effect of Zapin Dance on Children's Self-Esteem at the National Child Development
Research Center

SHAFIRA SHAQIERA BINTI DRANI*

Universiti Selangor

shaqiera@unisel.edu.my

MUHAMMAD SAFAR BIN ABDURAHMAN

Universiti Selangor

m.safar07@unisel.edu.my

NOOR HANIM BINTI HARUN

Universiti Selangor

noorhanim@unisel.edu.my

NUR HIDAYAH BINTI RAZLAN

Universiti Selangor

hidayahrazlan@gmail.com

Abstract

This research examines the impact of Zapin dance—a traditional Malay dance—on children's self-esteem. Employing a qualitative case study methodology, the investigation focused on a classroom teacher (GK) and three child participants (K1, K2, & K3). Data was collected through observations and interviews to ensure a robust understanding of the dance's influence. Descriptive analysis revealed a significant positive shift from low to high self-esteem among the children. Moreover, the findings suggest that engaging in Zapin dance fosters improved social interactions within the children's communities. This study highlights the cultural significance of Zapin dance as a therapeutic tool in enhancing children's self-esteem and social well-being.

Keywords: *Self-esteem, Zapin dance, Children*

Abstrak

Kajian ini bertujuan melihat kesan tari zapin terhadap penghargaan kendiri kanak-kanak selepas melakukan persembahan tari berkenaan. Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini merupakan suatu kajian kes. Sampel kajian terdiri daripada seorang guru kelas (GK) serta tiga orang kanak-kanak (K1, K2 & K3). Kajian ini menggunakan dua teknik pengumpulan data iaitu pemerhatian dan temu bual. Kesemua data dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi menjelaskan mengenai kesan tari zapin terhadap penghargaan kendiri kanak-kanak. Dapatkan kajian menunjukkan dengan jelas perubahan penghargaan kendiri kanak-kanak daripada penghargaan kendiri rendah kepada penghargaan kendiri tinggi. Hal ini sekaligus menunjukkan implikasi kajian terhadap perhubungan sosial yang baik di persekitaran kanak-kanak.

Kata kunci: *Penghargaan kendiri, Tari Zapin, Kanak-kanak*

PENGENALAN

Penghargaan kendiri atau "*self-esteem*" mempunyai pengaruh yang mendalam dalam perkembangan hidup setiap insan. Perkembangan kendiri ini juga berhubung kait dengan kebolehan dan kepercayaan diri individu dalam mengharungi kehidupan. Ianya merupakan imej diri, penerimaan diri atau perasaan kita terhadap diri sendiri. Perkembangan kendiri bermula sejak kelahiran dan pengalaman awal ketika zaman kanak-kanak dan masa remaja mempunyai kesan besar terhadap perkembangan kendiri seterusnya. Terdapat hubungkait yang signifikan antara penghargaan kendiri atau "*self-esteem*" dengan kehidupan setiap individu. Perkembangan kendiri ini juga mempunyai perkaitan dengan nilai kepercayaan, keupayaan dan keyakinan diri dalam menjalani kehidupan. Ia berfungsi sebagai cermin kepada diri, penerimaan diri atau pandangan kita terhadap diri sendiri dan dipercayai bermula sejak awal kelahiran kita.

Kanak-kanak adalah golongan yang sedang melalui proses perubahan dan perkembangan fizikal, rohani, emosi dan intelek yang mempengaruhi kehidupan mereka. Penghargaan kendiri merupakan salah satu proses perkembangan pada waktu kanak-kanak yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa dan guru. Penghargaan kendiri yang positif dapat menjamin kanak-kanak untuk mencapai tahap kesejahteraan psikologi dengan sempurna. Menurut Franken (2007) penghargaan kendiri boleh distruktur atau diubah, untuk menjadi lebih baik dan positif, dan ianya bermula pada usia kanak-kanak. Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak juga telah mengiktiraf bahawa anak-kanak mempunyai hak untuk menyatakan pemikiran, pendapat, dan idea mereka tentang kesejahteraan mereka sendiri (Fattore et al., 2018).

Teori Konsep Kendiri Maslow (1970) menyatakan bahawa individu lebih terdorong untuk menilai dan mentafsir dirinya berdasarkan persepsi dan perlakuan orang sekeliling terhadap dirinya. Jika persepsi dan perlakuan orang di persekitarannya adalah baik dan positif maka individu tersebut akan lebih berkeyakinan pada dirinya sendiri. Konsep kendiri yang dikemukakan oleh Maslow merupakan keperluan yang perlu dipenuhi dalam hidup kanak-kanak. Penghargaan kendiri dianggap sebagai salah satu aspek yang diberi keutamaan untuk menjamin kesejahteraan hidup manusia kerana individu yang sejahtera adalah mereka yang dapat mengawal emosinya daripada mempunyai emosi yang negatif serta berpuas hati terhadap kehidupan.

Dalam melalui proses perkembangan kanak-kanak, pelbagai kemungkinan gangguan seperti masalah emosi, fizikal dan kognitif akan memberi kesan apabila dewasa nanti. Sebagai kanak-kanak, mereka juga boleh mengalami tekanan emosi walaupun mungkin tidak sama dengan golongan yang telah berusia mengikut tahap perkembangan mereka. Tekanan emosi merupakan isu kesejahteraan yang begitu subjektif untuk dibincangkan dalam kalangan kanak-kanak kerana secara fitrahnya, kanak-kanak mempunyai ekspresi yang terhad untuk meluahkan perasaan yang mereka alami (Kottman & Meany-Walen 2016).

Di Malaysia, program pendidikan awal kanak-kanak merupakan salah satu medium yang berperanan untuk memupuk penghargaan kendiri yang positif dalam diri kanak-kanak. Dalam konteks ini, Kurikulum PERMATA Negara telah dibangunkan untuk menyediakan program asuhan dan didikan awal yang bersepadu untuk kanak-kanak yang berumur 0 hingga 4 tahun. Kurikulum ini menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk mendapat pengalaman pembelajaran awal yang berkualiti untuk melahirkan modal insan negara yang mempunyai sahsiah mulia, kerohanian yang mantap, kecerdasan intelek yang tinggi, menghargai kepelbagaiannya budaya, patriotik, dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Kandungan kurikulum PERMATA Negara diyakini dapat mengembangkan kemahiran dan peribadi kanak-kanak yang terbaik agar lebih bersedia untuk memasuki alam persekolahan formal kelak. Antara ciri-ciri kanak-kanak yang ingin dilahirkan melalui kurikulum ini adalah kanak-kanak yang mempunyai keyakinan, berdikari dan berjati diri. Kanak-kanak yang

mempunyai ciri-ciri berkenaan sudah semestinya menunjukkan sikap berani mencuba, mampu mengurus diri dan mempunyai konsep kendiri yang positif. Hal ini dapat dipupuk melalui perancangan dan pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang pelbagai merangkumi bidang-bidang pembelajaran yang difokuskan dalam kandungan kurikulum berkenaan.

PERNYATAAN MASALAH

Malaysia kini sedang mengalami perubahan zaman untuk menjadi sebuah negara maju dan berteknologi selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Perubahan ini sememangnya tidak dapat dielakkan dan sesebuah negara sudah pasti akan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antara yang dapat dilihat secara mendalam bahawa negara kita sedang mengalami cabaran dalam mengekalkan warisan tradisi terdahulu. Dalam mengekalkan identiti masyarakat Melayu terutamanya dalam aspek tarian tradisional bukanlah satu perkara yang mudah, kerana banyak faktor dalaman dan luaran yang mampu menggoyahkan perasaan patriotisme dalam jiwa rakyat Malaysia (Azizah Zain, et al., 2023).

Generasi muda khususnya kanak-kanak dan remaja kini lebih terdedah dengan gaya hidup mengikut trend. Menurut Rozmalina Izwanita Mohamed et al. (2018) generasi muda kini lebih gemar kepada hiburan yang dipengaruhi dengan budaya Barat serta tidak begitu tertarik dengan kegiatan seni tradisional etnik mereka sendiri. Perkara ini dapat dilihat melalui tarian moden yang lebih kepada gaya kebaratan yang tidak lagi mencerminkan identiti masyarakat Melayu yang penuh kelembutan dan kesantunan.

Dalam situasi ini, program pendidikan awal kanak-kanak merupakan salah satu aspek dominan yang mampu mengubah corak pemikiran dan pembentukan jati diri generasi kanak-kanak untuk lebih menghayati tarian tradisional. Program pendidikan awal kanak-kanak sebenarnya mampu berperanan untuk menyediakan pembelajaran berbentuk pengalaman agar kanak-kanak mempunyai ilmu pengetahuan tentang tarian tradisional. Apabila kanak-kanak menyesuaikan diri dengan pergerakan dan postur yang diperlukan dalam tarian, mereka mula mendapat rasa lebih baik terhadap badan mereka. Menurut EduDance, pelajaran tarian boleh menggalakkan anak-anak untuk memupuk sikap yang lebih positif dan meneroka ekspresi diri mereka sendiri. Hal ini boleh memberi manfaat kepada kanak-kanak yang mengalami masalah fizikal atau mental atau mereka yang cuba menangani masalah emosi yang penting (Weber, 2019)

Namun begitu cabaran yang sedang dihadapi oleh guru pendidikan awal kanak-kanak dalam konteks kajian ini adalah untuk mempromosikan dan membudayakan tarian tradisional dalam pendidikan formal secara berstruktur dan bermakna bersama kanak-kanak. Cabaran ini dihadapi kerana sebahagian daripada guru pendidikan awal di prasekolah lebih berminat menggunakan muzik moden untuk mengajar pergerakan atau senaman fizikal kepada kanak-kanak. Tarian moden yang mempunyai gaya berbeza seperti hip-hop, jazz funk, kontempori dan pelbagai lagi kian giat disertai oleh kanak-kanak sebagai senaman fizikal mereka. Tarian moden di Malaysia juga menggabungkan elemen tradisional dan elemen tarian barat serta menghasilkan gerak sentuhan baharu (Azura Abal Abas, 2017).

Menurut Maisarah Mohd Alim et. al (2023), pada peringkat kanak-kanak, pembudayaan warisan seperti nyanyian lagu warisan bangsa, pakaian, perayaan serta makanan tradisional, tempat bersejarah, tokoh-tokoh negara terkenal termasuklah tarian tradisional harus didedahkan. Tujuannya bukanlah untuk membina kerjaya mereka dalam bidang kesenian, akan tetapi tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira umur, bangsa dan agama untuk mereka menanam sifat kecintaan terhadap warisan budaya negara sendiri. Sekalipun begitu, pendidikan warisan budaya masih rapuh dalam jiwa kanak-kanak Malaysia terutamanya terhadap tarian tradisional.

Tarian tradisional seperti tarian zapin bukanlah semata-mata memperhalusi seni tari, namun ianya juga membuka ruang dan peluang terhadap perkembangan lain seperti komunikasi, sosialisasi, emosional, kesihatan dan sebagainya. Pada peringkat awal, biasanya akan terdapat karakter kanak-kanak seperti malu dan segan untuk melakukan aktiviti seni tari. Hal ini kerana aktiviti tarian bukanlah satu rutin dan kebiasaan dalam diri mereka sekaligus menjadikan mereka kurang berkeyakinan untuk melakukan aktiviti tarian tradisional di dalam kelas. Namun, perlu diakui bahawa tarian tradisional boleh menjadi cara alternatif yang menarik untuk meningkatkan keseimbangan dalam kalangan kanak-kanak. Melalui tarian zapin misalnya, kanak-kanak memperoleh pengalaman yang dapat menghakis perasaan malu serta mematangkan mereka untuk lebih bersikap positif dalam menghadapi cabaran hidup termasuklah membudayakan seni tari dalam kehidupan moden.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian merupakan satu bentuk perancangan yang sangat penting dalam menjalankan sesuatu kajian. Sehubungan itu, reka bentuk kajian yang dipilih bagi kajian ini adalah pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Reka bentuk kajian kualitatif dipilih adalah kerana kaedah ini boleh digunakan untuk memahami makna persekitaran sosial seperti sifat, pengalaman dan sesuatu kes. Tambahan itu, reka bentuk kajian ini juga dapat membantu memahami, menerangkan serta menghasilkan daptan baharu (Nik Hazimah Nik Mat et al., 2021). Data kajian diperoleh dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual untuk mengumpul data dengan lebih komprehensif. Pengkaji menjalankan pemerhatian ke atas tiga orang kanak-kanak untuk melihat kesan tari zapin terhadap penghargaan kendiri mereka sewaktu latihan menari zapin di laksanakan. Selain itu, kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan data daripada guru kelas mengenai penghargaan kendiri kanak-kanak sepanjang sesi persekolahan yang telah dipilih sebagai sampel kajian.

Populasi kajian ini terdiri daripada guru dan kanak-kanak di Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara yang terletak di Proton City, Tanjung Malim, Perak. Pusat ini terdiri daripada enam buah kelas dan tiga darinya merupakan kelas kanak-kanak yang berusia enam tahun. Namun begitu, hanya satu buah kelas sahaja yang mempunyai kanak-kanak berusia enam tahun yang dipilih sebagai populasi kajian. Kelas tersebut terdiri daripada 17 orang kanak-kanak iaitu empat kanak-kanak perempuan dan selebihnya adalah kanak-kanak lelaki. Hasil perbincangan, seorang guru kelas dan tiga orang kanak-kanak yang terdiri daripada 2 orang kanak-kanak lelaki dan seorang kanak-kanak perempuan yang terlibat sebagai sampel kajian. Kanak-kanak yang dipilih sebagai sampel kajian mempunyai tahap penghargaan kendiri yang rendah berdasarkan maklumat yang diberi oleh guru kelas. Sampel kajian ini dipilih menggunakan teknik persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dinyatakan berdasarkan kesan tari zapin terhadap penghargaan kendiri kanak-kanak melalui teknik pemerhatian pertama hingga keempat terhadap sampel K1, K2 dan K3 dengan menggunakan instrumen senarai semak. Pemerhatian dilakukan ketika aktiviti latihan tari diadakan dan pada persekitaran sesi persekolahan kanak-kanak seperti dalam kelas dan sewaktu rehat. Menurut Othman Lebar (2021), menjelaskan bahawa proses pemerhatian dijalankan secara individu yang meliputi aspek persepsi, perasaan, pemikiran dan tingkah laku. Dapatan kajian ini dijelaskan melalui jadual penghargaan kendiri rendah dan tinggi bagi setiap sampel.

Jadual 1: Penghargaan Kendiri Rendah Berdasarkan Permerhatian Bagi K1

Penghargaan Kendiri Rendah

Pemerhatian 1	Pemerhatian 2	Pemerhatian 3	Pemerhatian 4
✓ Pergerakan lemah	✓ Pergerakan lemah	✓ Kurang penonjolan diri	✓ Jarang mengajukan / menjawab soalan
✓ Tidak mahu berkongsi	✓ Megasingkan diri apabila kemahanan	✓ Jarang mengajukan / menjawab soalan	
✓ Tidak memberikan kerjasama	tidak dipenuhi		
✓ Megasingkan diri apabila kemahanan tidak dipenuhi	✓ Kurang penonjolan diri	✓ Jarang mengajukan / menjawab soalan	
✓ Tidak kemas (hasil kerja)	✓ Tiada interaksi	✓ Jarang mengajukan / menjawab soalan	
✓ Kurang penonjolan diri			
✓ Tiada interaksi			

Jumlah item: 9

Jumlah item: 5

Jumlah item: 2

Jumlah item: 1

Jadual 1.1: Penghargaan Kendiri Tinggi Berdasarkan Permerhatian Bagi K1

Penghargaan Kendiri Tinggi

Pemerhatian 1	Pemerhatian 2	Pemerhatian 3	Pemerhatian 4
✓ Sabar menunggu giliran	✓ Sabar menunggu giliran	✓ Sabar menunggu giliran	✓ Sabar menunggu giliran
✓ Tidak suka bergaduh	✓ Tidak suka bergaduh	✓ Tidak suka bergaduh	✓ Tidak suka bergaduh
	✓ Menunjukkan minat belajar perkara baru	✓ Menunjukkan minat belajar perkara baru	✓ Menunjukkan minat belajar perkara baru
	✓ Memberikan kerjasama	✓ Memberikan kerjasama	✓ Memberikan kerjasama
	✓ Bertolak ansur	✓ Bertolak ansur	✓ Bertolak ansur
		✓ Gembira dan bertenaga dalam melakukan aktiviti	✓ Gembira dan bertenaga dalam melakukan aktiviti
		✓ Komitmen dalam melaksana tugas	✓ Komitmen dalam melaksanakan tugas
		✓ Menghormati dan memberi tindak balas	✓ Menghormati dan memberi tindak balas
			✓ Sikap kepimpinan
			✓ Menunjukkan bakat atau kebolehan

Jumlah item: 2

Jumlah item: 5

Jumlah item: 8

Jumlah item: 10

Kesan penglibatan dalam tari zapin terhadap penghargaan kendiri K1 jelas menunjukkan peningkatan dan perkembangan daripada penghargaan kendiri rendah kepada penghargaan kendiri tinggi. Hal ini jelas terbukti dalam sesi temu bual bersama GK dan pemerhatian pengkaji yang mendapati sebelum ini K1 merupakan seorang yang pendiam, pemalu, mudah menangis dan hanya berinteraksi dengan rakan rapatnya sahaja.

Namun setelah beberapa minggu mengikuti aktiviti latihan tari zapin, kelihatan perubahan penghargaan kendiri secara perlahan-lahan. K1 mula memberi tindak balas yang baik terhadap aktiviti latihan tari dan mula menganggukkan kepala apabila diajukan soalan atau sesuatu perkara sebagai tanda bahawa K1 memahami perkara yang disampaikan. Selain itu, K1

tidak lagi ragu-ragu serta yakin diri untuk berkomunikasi dan bergaul dengan rakan kelasnya, menunjukkan sifat perasaan ingin tahu terhadap sesuatu perkara dan merupakan seorang yang ringan tulang seperti membersihkan papan putih. Dapatkan ini disokong oleh Dina Putri Santika (2019), yang menyatakan bahawa salah satu fungsi pembelajaran tari adalah sebagai pendidikan. Tari mampu mendidik atau membentuk manusia selari dengan perkembangan persekitaran peribadinya.

Ketika hari sebenar persembahan tari zapin berlaku, K1 tidak mahu melibatkan diri dalam persembahan tari zapin tersebut dan menangis serta mengasingkan diri dengan rakan-rakan kelasnya yang lain. Menurut pandangan pengkaji, hal ini terjadi adalah disebabkan K1 tidak yakin diri untuk mempersembahkan tari zapin di khalayak ramai atau berkemungkinan emosinya pada hari kejadian tidak baik. Setelah melakukan temu bual tidak berstruktur bersama GK, GK menjelaskan bahawa K1 agak susah untuk berpisah dengan ibu bapa dan akan mengambil masa bagi mengembalikan emosinya seperti sedia kala.

Jadual 2: Penghargaan Kendiri Rendah Berdasarkan Permerhatian Bagi K2

Penghargaan Kendiri Rendah

Pemerhatian 1	Pemerhatian 2	Pemerhatian 3	Pemerhatian 4
✓ Pergerakan lemah	✓ Pergerakan lemah	✓ Lambat bertindak terhadap arahan	✓ Tidak kemas (hasil kerja)
✓ Lambat bertindak terhadap arahan	✓ Lambat bertindak terhadap arahan	✓ Tidak kemas (hasil kerja)	✓ Daya tumpuan singkat
✓ Tidak memberikan kerjasama	✓ Tidak kemas (hasil kerja)	✓ Daya tumpuan singkat	
✓ Tidak kemas (hasil kerja)	✓ Tiada interaksi	✓ Jarang mengajukan atau menjawab soalan	
✓ Tidak kemas (penampilan diri)	✓ Daya tumpuan singkat		
✓ Kurang penonjolan diri	✓ Jarang mengajukan atau menjawab soalan		
✓ Tiada interaksi			
✓ Daya tumpuan singkat			
✓ Jarang mengajukan atau menjawab soalan			

Jumlah item: 9

Jumlah item: 7

Jumlah item: 4

Jumlah item: 2

Jadual 2.2: Penghargaan Kendiri Tinggi Berdasarkan Permerhatian Bagi K2

Penghargaan Kendiri Tinggi

✓ Sabar menunggu giliran	✓ Sabar menunggu giliran	✓ Sabar menunggu giliran	✓ Sabar menunggu giliran
✓ Tidak suka bergaduh	✓ Tidak suka bergaduh	✓ Tidak suka bergaduh	✓ Tidak suka bergaduh
	✓ Menghormati dan memberi tindak balas	✓ Menghormati dan memberi tindak balas	✓ Menghormati dan memberi tindak balas
		✓ Menunjukkan minat belajar perkara baru	✓ Menunjukkan minat belajar perkara baru
		✓ Memberikan kerjasama	✓ Memberikan kerjasama
		✓ Bertolak ansur	✓ Bertolak ansur
		✓ Gembira dan bertenaga dalam melakukan	✓ Gembira dan bertenaga dalam melakukan
		✓ aktiviti	✓ aktiviti
			✓ menunjukkan bakat /
			✓ kebolehan

Jumlah item: 2**Jumlah item: 3****Jumlah item: 7****Jumlah item: 8**

Kesan penglibatan dalam tari zapin terhadap penghargaan kendiri K2 jelas menunjukkan perubahan walaupun secara perlahan daripada penghargaan kendiri rendah kepada penghargaan kendiri tinggi. Hal ini jelas terbukti dalam sesi temu bual bersama GK dan pengkaji yang mendapati sebelum ini K2 merupakan seorang yang pendiam, suka berseorangan dan tidak mempunyai ramai kawan disebabkan K2 sering tidak menghadirkan diri ke Prasekolah kerana sudah selesa dan terbiasa tinggal dirumah ketika tempoh *lockdown*.

Namun setelah beberapa minggu mengikuti aktiviti latihan tari zapin, kelihatan perubahan penghargaan kendiri secara perlahan-lahan. K2 mula menunjukkan sikap mesra dengan rakan-rakan guru dan pengkaji, mula memberikan tindak balas yang baik terhadap aktiviti latihan tari dan berusaha membentuk hubungan rapat dengan ahli-ahli kumpulan seperti meminta rakan ahlinya mengajarkan gerak tari yang masih tidak dikuasai serta melibatkan diri bersama rakan-rakan kelas dalam aktiviti bermain bebas. Selain itu, K2 juga tidak lagi suka berseorangan serta yakin diri untuk berkomunikasi dan bergaul dengan rakan kelasnya. Ketika hari sebenar persembahan tari zapin berlaku, K2 menunjukkan sikap yang sangat positif terhadap penghargaan kendiri tinggi. K2 menunjukkan sikap bersemangat dan penuh bertenaga dalam

mempersempahkan tari zapin di depan khalayak ramai. Hal ini terbukti apabila K2 sentiasa senyum kepada penonton serta sempat melambai-lambaikan tangan kepada ibubapanya.

Di samping itu, K2 turut menunjukkan sikap yakin diri yang tinggi dan langsung tiada sifat malu apabila mempersempahkan tarian zapin di atas pentas seperti memberikan interaksi pandangan mata yang sangat baik dengan penonton. Terdapat juga kajian yang saling berkaitan seperti kajian *the effect of participating in recreational dance activities on the social skills of 10- to 12-year-old children* yang telah dijalankan oleh Tsounis-Tzitzikas, K., et.al. (2019) menjelaskan bahawa aktiviti tarian memberi kesan terhadap kemahiran sosial kanak-kanak.

Jadual 3: Penghargaan Kendiri Rendah Berdasarkan Permerhatian Bagi K3

Penghargaan Kendiri Rendah

Pemerhatian 1	Pemerhatian 2	Pemerhatian 3	Pemerhatian 4
✓ Pergerakan lemah	✓ Lambat bertindak terhadap	✓ Tidak kemas (hasil kerja)	✓ Tidak kemas (hasil kerja)
✓ Lambat bertindak terhadap arahan	✓ arahan	✓ Jarang mengajukan / menjawab soalan	
✓ Tidak kemas (penampilan diri)	✓ Tidak kemas (hasil kerja)		
✓ Tidak kemas (hasil kerja)	✓ Kurang penonjolan diri		
✓ Tidak memberikan kerjasama	✓ Tiada interaksi		
✓ Sukar mendengar arahan	✓ Daya tumpuan singkat		
✓ Kurang penonjolan diri	✓ Jarang mengajukan / menjawab soalan		
✓ Tiada interaksi			
✓ Daya tumpuan singkat			
✓ Jarang mengajukan / menjawab soalan			

Jumlah item:10

Jumlah item: 6

Jumlah item: 2

Jumlah item: 1

Jadual 3.3: Penghargaan Kendiri Tinggi Berdasarkan Permerhatian Bagi K3

Penghargaan Kendiri Tinggi

✓ Sabar menunggu giliran	✓ Sabar menunggu giliran	✓ Sabar menunggu giliran	✓ Sabar menunggu giliran
✓ Tidak suka bergaduh	✓ Tidak suka bergaduh	✓ Tidak suka bergaduh	✓ Tidak suka bergaduh
	✓ Memberikan kerjasama	✓ Menunjukkan minat belajar perkara baru	✓ Menunjukkan minat belajar perkara baru
	✓ Menunjukkan bakat / kebolehan	✓ Memberikan kerjasama	✓ Memberikan kerjasama
	✓ Menghormati dan memberi tindak balas	✓ menunjukkan bakat / kebolehan	✓ menunjukkan bakat / kebolehan
		✓ Sikap kepimpinan	✓ Sikap kepimpinan
		✓ Menghormayti dan memberi tindak balas	✓ Menghormati dan memberi tindak balas
		✓ Komitmen dalam melaksanakan tugas	✓ Komitmen dalam melaksanakan tugas
			✓ Gembira dan bertenaga dalam melakukan aktiviti
			✓ Memberikan kerjasama

Jumlah item: 2**Jumlah item: 5****Jumlah item: 8****Jumlah item: 10**

Kesan penglibatan diri dalam tari zapin terhadap penghargaan kendiri K3 jelas menunjukkan terdapat peningkatan dan perkembangan yang sangat positif terhadap penghargaan kendirinya. Hal ini jelas terbukti dalam sesi temu bual bersama GK dan pemerhatian pengkaji yang mendapati sebelum ini K3 merupakan seorang yang lambat bertindak dan tidak peka terhadap arahan mahupun pada sesuatu perkara.

Setelah beberapa minggu mengikuti aktiviti latihan tari zapin, kelihatan perubahan penghargaan kendiri tinggi sangat memberangsangkan. K3 mula menunjukkan sikap mesra dan

mudah bergaul dengan rakan-rakan, guru dan pengkaji, mula memberikan tindak balas yang baik terhadap aktiviti latihan tari dan berusaha membentuk hubungan rapat dengan ahli-ahli kumpulan zapinnya seperti membantu ahli kumpulannya sama-sama dalam mengingati gerak tari, tempo serta koreografi tarian zapin. Selain itu, K3 tidak lagi rasa malu dan takut diketawakan jika jawapan yang diberikan adalah salah. Menurut Riris Setyo (2020), pembelajaran seni tari ini secara tidak sedar akan mengembangkan keperibadian kanak-kanak seperti bertoleransi, komunikasi serta percaya diri.

Ketika hari sebenar persembahan tari zapin berlangsung, K3 menunjukkan sikap yang sangat positif terhadap penghargaan kendiri tinggi. K3 menunjukkan sikap bersedia, bersemangat dan penuh bertenaga dalam mempersempahkan tari zapin di depan khalayak ramai. Hal ini terbukti apabila K3 sentiasa senyum kepada penonton dan tidak cepat cemas apabila tersalah pergerakan tari ketika berada di atas pentas. Di samping itu, K3 menunjukkan sikap berkerjasama, mendengar arahan dengan baik serta sifat yakin diri yang tinggi apabila mempersempahkan tari zapin di atas pentas seperti memberikan interaksi pandangan mata yang baik dengan penonton.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhan menunjukkan bahawa tari zapin mampu meningkatkan penghargaan kendiri kanak-kanak setelah sekian lama kanak-kanak dalam fasa *lockdown* dan pandemik COVID-19. Terdapat beberapa perubahan penghargaan kendiri kanak-kanak sama ada dalam persekitaran pembelajaran di dalam kelas mahupun pada hubungan sosial di sekitarnya seperti yang disimpulkan pada jadual di bawah:

Jadual 4: Rumusan Dapatan Kajian

Sampel	Jumlah item	Rumusan
penghargaan kendiri		
K1	Rendah (1)	Tinggi (10)
		Kesan penglibatan dalam tari zapin terhadap penghargaan kendiri K1 jelas menunjukkan terdapat peningkatan dan perkembangan pada setiap minggu dari penghargaan kendiri rendah kepada penghargaan kendiri tinggi
K2	Rendah (2)	Tinggi (8)
		Kesan penglibatan dalam tari zapin terhadap penghargaan kendiri K2 menunjukkan terdapat perkembangan yang berlaku secara perlahan dari penghargaan kendiri rendah kepada penghargaan kendiri tinggi. Hal ini berlaku disebabkan sikap K2 yang jarang sekali menghadirkan diri ke Prasekolah.

K3	Rendah (1)	Tinggi (10)	Kesan penglibatan diri setelah beberapa minggu mengikuti aktiviti latihan tari zapin jelas menunjukkan terdapat perubahan penghargaan kendiri tinggi yang sangat memberangsangkan terhadap K3
----	---------------	----------------	---

KESIMPULAN

Secara umumnya, Malaysia mempunyai kepelbagaian jenis tarian yang telah diwarisi sejak zaman-berzaman lagi dan perlu dikekalkan sebagai warisan budaya yang ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’. Dengan memberi peluang kepada kanak-kanak kecil terlibat dalam tarian, banyak manfaat yang mereka akan peroleh untuk perkembangan mereka. Dalam konteks penghargaan kendiri, melalui tarian seperti zapin mereka dapat dapat meluahkan emosi dan seterusnya dapat meningkatkan kesedaran diri, keyakinan diri dan harga diri mereka. Perkara ini membantu menggalakkan kesihatan psikologi yang lebih baik dan kematangan, selain daripada ruang untuk melegakan fizikal mereka.

RUJUKAN

- Azizah Zain, Irwan Mahazir Ismail, Muhammad Fazli Taib Searani, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin & Maisarah Mohd Alim (2023). Kemahiran dan cabaran guru prasekolah dalam pelaksanaan tarian tradisional melayu di prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 12 (1), 12-18.
- Azura Abal Abas. (2017). *Feminisme dalam karya tari kontemporari dan kehidupan Aida Reza*, [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaya.
- Ghosh, R., Dubey, M. J., Chatterjee, S. & Dubey, S. 2020. Impact of COVID-19 on children: Special focus on the psychosocial aspect. *Minerva Pediatrica*. 72(3), 226–235. <http://doi:10.23736/S0026-4946.20.05887-9>
- Hamizah Razaki & Abdul Rashid Aziz. (2020). *Perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak: kesan penjarakan sosial dalam tempoh perintah kawalan pergerakan dan pendekatan dalam membantu*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hartono, S. (2017). Kecerdasan kerjasama anak usia dini dalam pembelajaran tari. *Jurnal Pendidikan Usia Dini*, 25(3), 6-10.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-prasekolah>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah. <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-prasekolah/category/40-dskp>
- Keshky, E. et al., (2017). The development of self-esteem in children: systematic review and meta-analysis. *Journal of Psychology & Behavior Analysis*, 3(1), 128-134.
- Long Term Physical, Mental and Social Health Effects of COVID-19 in the Pediatric Population: A Scoping Review. (2021). Diperoleh daripada <https://www.medrxiv.org/content/10.1101/2021.09.17.21263743v1.full.pdf>
- Maisarah Mohd Alim, Azizah Zain, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin (2023). Analisis keperluan pembangunan modul tarian tradisional melayu zapin bagi kalangan kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 12 (1), 70-84.
- Mohd Anis Md Nor (2020). *Zapin Melayu Di Nusantara*. Yayasan Warisan Johor.
- Mohd Ghous Nasuruddin (2016). *Tarian Melayu*. Dewan Bahasa dan Pusaka.
- Nassir Daud. (2016). *Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2016*. Diperoleh daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/>
- Norshidah Mohamad Salleh, Manisah Mohd Ali & Khalim Za (2018). Kemahiran tingkah laku sosial peringkat asas dalam kalangan murid berkelakuan pengdidikan khas ketidakupayaan penglihatan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 41-49.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rozmalina Izwanita Mohamed1, Lee Yok Fee1 , Sarjit Singh A/L Darshan Singh1 dan Mohd. Fauzi Fadzil (2018). Cabaran Dan Usaha Pengekalan Identiti Etnik Bumiputera Siam. *Jurnal Pertanika Mahawangsa* 5 (1): 389 – 397.
- Seryo, R. (2016). Pengembangan kepribadian dalam pembelajaran seni tari di sekolah. *Jurnal Imajinasi*, 10 (1), 61-65.
- Sheridean Zakaria & Er, L, X. (2018). Meningkatkan self-esteem murid melalui step by step. *Proceeding of ICECRS*, 1(2016), 267-274. Researchgate. <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.610>
- Suliati Asri. (2022). Kembali Ke Sekolah. Diperoleh daripada <https://www.hmetro.com.my/akademia/2022/03/823220/kembali-ke-sekolah>
- Tsounis-Tzitzikas, K., Goulimaris, D., Antoniou, P., Yfantidou, G., & Bebetsos, E. (2019). The effect of participating in recreational dance activities on the sosial skills of 10 to 12 year old children. *Journal of Educational Research*, 4(1), 8-17.
- Understanding the Impact of COVID-19 on Vulnerable Children & Families in Malaysia.

- (2021). Diperoleh daripada
<https://www.unicef.org/malaysia/media/1916/file/Impact%20of%20COVID-19%20on%20Vulnerable%20Children%20&%20Families%20in%20Malaysia.pdf>
- Weber, J. (2019). Manfaat tarian untuk kanak-kanak. Diperoleh daripada
<https://ms.morefit.eu/manfaat-tarian-untuk-kanak-kanak/>